

**KONSEP KOMUNITI DAN PERKEMBANGANNYA:
SUATU TINJAUAN KRITIKAL TERHADAP PENGGUNAANNYA**
(*The Concept of Community and its Development: A Critical Review towards its Application*)

Mohd Syarifudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof &
Faridah Binti Che Husain

ABSTRAK

Komuniti adalah satu bentuk yang dinamik dan sering berubah dan berkembang secara evolusi daripada bentuk komuniti primitif hinggalah kepada bentuk komuniti maya. Perubahan bentuk komuniti ini adalah kesan langsung disebabkan oleh perkembangan teknologi dan internet serta proses perbandaran yang berlaku. Antara tokoh yang banyak bercakap berkaitan dengan komuniti ini adalah Emile Durkheim, Ferdinand Tonnies dan Robert Redfield serta beberapa orang tokoh lain. Antara konsep yang terkesan dan memberikan impak yang besar dalam mengukur komuniti adalah konsep yang dibawa oleh Ferdinand Tonnies iaitu konsep *Gemeinschaft* dan *Gesellschaft*. *Gemeinschaft* adalah keadaan yang merujuk kepada komuniti yang sebenar sementara *Gesellschaft* adalah merujuk kepada perubahan komuniti yang dihuraikan dengan konsep *society* yang dikaitkan dengan organisasi dan persatuan untuk mewujudkan komuniti bentuk baru yang berasaskan kekuatan organisasi dalam komuniti. Dalam sesetengah keadaan para sarjana mengaitkannya dengan *neo-Gemeinschaft*. Justeru, kertas kerja ini cuba untuk mengetengahkan konsep komuniti dan perbahasan mengenainya dan mendapatkan respon daripada pembentang kertas kerja.

Kata kunci: Komuniti, Masyarakat, Perubahan Komuniti, Bentuk komuniti, evolusi

ABSTRACT

Community is a dynamic concept which always changed and constructed through primitive and virtual form. The construction community is a direct impact due to the development of technology and the internet as well as the urbanization processes. Scholars who discuss and argue about community concept are Emile Durkheim, Ferdinand Tonnies and Robert Redfield as well as some other figures. Among the concepts that impressed and had a big impact in measuring the community was the concept introduced by Ferdinand Tonnies, *Gemeinschaft* and *Gesellschaft*. *Gemeinschaft* is a situation that refers to a real community while *Gesellschaft* refers to community changes described by the concept of *society* associated with organizations and associations to create a new community of communities based on organizational strength within the community. In some circumstances, scholars associate it with *neo-Gemeinschaft*. This

paper attempts to highlight the concept of community, debate about it and receive a response from paper presenters.

Keywords: Community, Society, Community development, Forms of community, evolution

PENGENALAN

Konsep komuniti dan masyarakat sering dibahaskan dan dibincangkan sama ada di peringkat nasional mahupun global. Dari segi definisi masyarakat umum sering melihat ke dua-duanya adalah sama tetapi bagi sosiologis, mereka melihat masyarakat dan komuniti dalam definisi yang berbeza. Secara konsepnya masyarakat adalah dirujuk kepada konsep '*society*' bertujuan untuk menerangkan kewujudan manusia. Secara jelasnya konsep masyarakat adalah digunakan untuk menerangkan kelompok atau komuniti manusia yang tinggal bersama. Dalam kewujudan masyarakat ia melibatkan manusia yang berinteraksi dan seterusnya membentuk budaya tertentu masyarakat yang boleh dicirikan dan berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain.

Perkataan masyarakat adalah dari perkataan *society* yang berasal dari bahasa Latin iaitu *societas* yang bererti 'perhubungan baik dengan orang lain'. Perkataan *societas* pula dikeluarkan daripada perkataan *socius* yang bererti 'teman' atau 'kawan'. Justeru secara terus makna masyarakat ini adalah berkaitan dengan sosial yang melibatkan aspek perhubungan. Iaitu perhubungan manusia dengan manusia lain. Konsep masyarakat ini adalah merujuk kepada sekumpulan manusia yang hidup dalam kelompok manusia tertentu dan berkongsi budaya dan peraturan yang sama. Justeru satu-satu masyarakat dari segi cirinya adalah:

- ☐
- ☐ Tinggal di kawasan yang sama;
- ☐ Berinteraksi antara satu sama lain;
Budaya yang distingtif;
Adanya peraturan dan undang-undang yang dipatuhi.

Dalam aspek yang lebih besar konsep masyarakat ini melibatkan matlamat dan kepentingan yang sama dalam sesebuah masyarakat. Dalam sesetengah keadaan ia menggambarkan rakyat mewakili sesebuah negara bangsa. Dalam konteks kita Malaysia adalah matlamat negara bangsa Malaysia.

Sementara konsep komuniti adalah merujuk kepada kelompok-kelompok kecil masyarakat yang berada dalam satu-satu kawasan tertentu. Jika merujuk kepada epistemologi makna perkataan 'Komuniti' adalah berasal dari bahasa Perancis kuno dipanggil '*communité*' yang asalnya dari bahasa Latin dipanggil '*communitas*' (*cum*, "dengan/bersama" + *munus*, "pemberian"). Bagi masyarakat luar negara seperti Eropah konsep komuniti memberi makna kepada persahabatan dan persatuan-persatuan masyarakat yang mengarah kepada perkhidmatan dalam komuniti. Secara umum komuniti mempunyai dua keadaan yang berbeza iaitu komuniti yang merujuk kepada perkongsian nilai-nilai yang sama dari sekecil-kecil unit seperti kampung kepada sebesar-besar unit seperti negara. Justeru dalam komuniti itu sendiri adanya konsep

komuniti nasional dan komuniti antarabangsa. Dari segi ciri-ciri komuniti secara umum dapat dipecahkan sebagaimana berikut:

- ☐
- ☐ Terdiri dari sekelompok manusia;
- ☐ Ahli dalam komuniti berinteraksi dalam kumpulan yang sama;
- ☐ Menjalankan aktiviti yang khusus dan saling berkaitan;
Aktiviti adalah disusun berasaskan kepada kebudayaan dan sistem sosial;
- ☐ Setiap anggota dalam masyarakat menganggap dirinya sebahagian dari komuniti;
dan
Ahli yang ada adalah bersatu padu dan bertindak mengikut sistem sosial yang terbentuk dan dipersetujui.

Selain itu, komuniti juga merujuk kepada aspek biologi di mana unit-unit sosial berinteraksi, hidup bersama dan berkembang. Justeru, komuniti adalah kelompok manusia yang dirujuk membantu antara satu sama lain. Untuk memudahkan dalam memberi makna kepada penyusunan komuniti dalam masyarakat seperti di Malaysia sesebuah komuniti adalah dirujuk kepada pentadbiran yang dapat dilihat dari segi pentadbirannya adalah di bawah kerajaan tempatan yang dipanggil Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran.

KOMUNITI DAN PERUBAHAN

Konsep komuniti telah mengalami perubahan dan banyak telah dibincangkan oleh para sarjana berkaitan komuniti seperti Emile Durkheim, Ibn Khaldun, Robert Redfield, Ferdinand Tonnies dan lain-lain lagi hingga kepada wujudnya komuniti maya yang ada sekarang disebabkan oleh perkembangan dalam teknologi dan internet. Ibn Khaldun (1332-1406) telah mengemukakan konsep *asabiah* (perasaan kekitaan) sebagai asas pembinaan komuniti iaitu berkaitan dengan uniti atau perpaduan hingga kepada proses pembinaan tamadun (Ibn Khaldun, 2002). Emile Durkheim merujuk kepada perubahan komuniti dengan merujuk kepada konsep *mechanical solidarity* dan *organic solidarity*. Kemudian Tonnies pula membawa konsep *gemeinschaft* dan *gesellschaft* iaitu juga merujuk kepada perubahan masyarakat. Robert Redfield pula mengemukakan konsep *suburb*, *inner city* dan *outer city*. Jika diperhatikan kesemua konsep yang dibincangkan tidak lari daripada melihat perubahan masyarakat dan komuniti dari desa ke bandar. Justeru asas yang diguna pakai oleh para sarjana terdahulu adalah berasaskan lokaliti di mana faktor geografi memainkan peranan yang penting dalam pembentukan komuniti dan melihat jiran sebagai paksi kepada pembinaan komuniti.

Namun begitu, melalui perkembangan teknologi dan proses perbandaran yang berlaku menyebabkan komuniti berubah dan tidak berasaskan kepada aspek lokasi semata-mata tetapi telah merentas persempadanan geografi. Menurut Phil Bartle komuniti yang ada pada hari ini telah mempunyai ciri-ciri merentas sempadan geografi dan boleh dikatakan tidak ada sempadan geografi, mungkin tiada ketulenan, berkembang secara semula jadi dan tidak dirancang, berlaku di bandar-bandar dan berlaku juga di internet.

Perubahan Komuniti

Jumlah penduduk manusia telah mencecah kepada angka 7 billion pada masa sekarang dan sudah semestinyalah ia memberikan impak yang besar kepada pembentukan komuniti dengan berkembangnya teknologi dan proses modenisasi yang berterusan. Pembentukan masyarakat daripada sebuah masyarakat yang mudah kepada masyarakat yang rencam bentuknya dan pelbagai.

Konsep komuniti merupakan konsep yang amat dekat dengan kita. Sebagai manusia yang bertamadun, tamadun itu sendiri dibina berasaskan kepada pembentukan komuniti. Bermula dengan konsep individu, keluarga, masyarakat dan nations. Iaitu daripada sekecil-kecil komuniti kepada sebesar-besarnya komuniti seperti bangsa atau negara. Dalam konteks ini komuniti mengalami perubahan dari sebuah kampung kepada sebuah pekan, dari sebuah pekan kepada sebuah bandar, dari sebuah bandar kepada sebuah bandar besar. Perkembangan ini amat berkait rapat dengan pembentukan komuniti yang semakin kompleks dalam masyarakat. Justeru, bagaimanakah kita hendak melihat konsep komuniti ini? Konsep komuniti telah banyak telah dibincangkan oleh ahli sarjana dari tradisional kepada para sarjana yang moden. Menurut Bell dan Newby (1971) mendapati terdapat 98 definisi yang berlainan berkaitan dengan konsep komuniti. Walau bagaimanapun, secara umum konsep komuniti mempunyai dua makna yang sangat dekat iaitu:

- i. Merupakan kumpulan yang berhubungan, tinggal dalam *proximity* yang sama melibatkan ruang, masa dan hubungan. Komuniti selalunya dirujuk sebagai unit sosial yang lebih besar berbanding isi rumah dan berkongsi nilai-nilai yang sama serta mempunyai ikatan kesepaduan sosial yang kuat. Konsep ini boleh merujuk kepada aspek yang lebih besar seperti *national community* atau komuniti antarabangsa.
- ii. Secara biologi, kumpulan komuniti berkongsi persekitaran yang sama dan mempunyai kehidupan yang interaktif.

Dalam kehidupan seseorang individu tidak dapat menolak antaranya saling memerlukan, percaya dan keperluan ini amat berkait rapat dengan risiko dan keperluan seseorang individu. Manusia memerlukan kelompoknya untuk survival dan keperluan ini akan membentuk identiti yang seterusnya mempengaruhi dalam tahap kesepaduan sosial yang akan wujud. Secara asasnya dalam pembinaan sesebuah komuniti ia ada perkaitan dengan perkara-perkara berikut iaitu niat, kepercayaan, sumber, keutamaan, keperluan, risiko dan beberapa asas lain yang mana jika berubah akan menjejaskan tahap kesepaduan mereka.

Namun begitu, semenjak adanya internet pembentukan komuniti telah merentas sempadan geografi. Seseorang boleh berhubung dengan seseorang yang lain secara maya atas talian dan berkongsi minat dan nilai yang sama tanpa menghiraukan aspek lokasi. Sebelum adanya internet, komuniti maya (organisasi sosial dan akademik) adalah amat terbatas kepada halangan aspek komunikasi dan pengangkutan. Misalnya dalam aspek pendidikan dengan adanya internet membolehkan seseorang individu meneruskan pengajiannya walaupun berada pada jarak yang jauh yang sebelum ini dihalang oleh jarak, masa dan kesukaran komunikasi yang seterusnya membentuk komuniti belajar (*study community*) bagi satu-satu pusat pengajian.

Salah seorang tokoh yang penting apabila bercakap tentang komuniti adalah David Emile Durkheim (1858-1917). Sebagai seorang ahli sosiologis beliau banyak membuat kajian

berkenaan dengan masyarakat dan integrasi melalui hasil karya beliau antaranya adalah “*The Division of Labour (1893)*”, “*Suicide (1897)*” dan “*The Elementary Form of Religious Life (1912)*”. Beliau adalah tokoh yang buat pertama kalinya mengemukakan konsep Keutuhan Mekanikal (*Mechanical Solidarity*) dan Keutuhan Organik (*Organic Solidarity*). Menurut Emile Durkheim keutuhan mekanikal adalah ditentukan oleh integrasi sosial di mana setiap ahli dalam masyarakat bersatu melalui perkongsian nilai dan hubungan sosial. Senario ini merujuk kepada keadaan di mana dalam sesuatu komuniti berkenaan melakukan tugas yang sama dan pengalaman yang sama dan hasilnya perasaan ini telah menyatukan mereka. Keadaan ini kita dapat lihat dalam kelompok masyarakat desa yang mengusahakan pertanian. Dalam keutuhan organik pula Durkheim telah meletakkan pergantungan kepada orang lain sebagai keutuhan organik. Dalam masyarakat organik sentiasa meletakkan kepentingan peribadi sebagai asas perpaduannya. Konsep ini adalah melibatkan keperluan antara seseorang dengan seseorang atau antara organisasi dengan organisasi yang lain. Dalam senario ini masyarakat sedemikian adalah diklasifikasikan sebagai kesepaduan organik. Masyarakat sedemikian pula dapat dilihat di kawasan Bandar (Tony Blackshaw, 2010).

Kemudiannya, muncul Ferdinand Tönnies (1885-1937) yang mengembangkan lagi konsep komuniti dengan mengemukakan konsep *Gemeinschaft* dan *Gesellschaft* yang dibincangkan dalam karya beliau “*Community and Society*”. *Gemeinschaft* sering dirujuk dengan istilah komuniti yang berkongsi tempat dan kepercayaan yang sama. Sementara *Gesellschaft* pula adalah merujuk kepada masyarakat sivil dan persatuan dalam masyarakat. Konsep yang dibawa oleh beliau adalah lebih kepada konsep transformasi masyarakat dari masyarakat kampung kepada masyarakat bandar. Ke dua-dua masyarakat ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Menurut Tönnies, *Gemeinschaft* adalah merujuk kepada masyarakat yang pada awalnya dibentuk dalam persekitaran keluarga, kampung dan Bandar. Asas ekonomi dalam masyarakat seperti ini adalah pertanian. Seterusnya masyarakat dibentuk dalam masyarakat yang lebih kompleks yang dipanggil *Gesellschaft*. Masyarakat ini adalah merujuk kepada masyarakat yang lebih kompleks dan dibentuk melalui masyarakat metropolis dan pembentukan masyarakat negara-bangsa dimana industri ekonomi adalah berasaskan perniagaan dan industri moden (Tony Blackshaw, 2010). Menurut Robert Nisbet (1966) pula telah meletakkan pendapat Tönnies ini sebagai *Gemeinschaft* adalah idea yang sesuai dalam komuniti berbeza dengan *Gesellschaft* yang mana meletakkan idea ini sebagai sesuatu yang perlu dielakkan dalam pembinaan komuniti.

Antara tokoh lain yang penting membincangkan tentang komuniti adalah Robert Redfield (1897-1958) yang telah memperkenalkan konsep ‘*folk society*’ dan ‘*folk culture*’. Dalam pengamatan beliau, beliau telah melihat perubahan masyarakat daripada masyarakat tribal kepada masyarakat bandar. Dalam mendalami lagi kajian beliau, beliau telah cuba mengaitkan ilmu komuniti dengan pembinaan tamadun dan meletakkan dimensi sejarah sebagai struktur. Beliau mengaitkan budaya sebagai satu sistem dalam perhubungan antara hubungan interaksi antara budaya tinggi (*great tradition*) dengan masyarakat bandar (*elite*) dan budaya rendah (*little tradition*) pula dikaitkan dengan masyarakat kampung. Jika ditinjau terdapat 3 hasil penulisan beliau yang dikaitkan dengan pembinaan tamadun iaitu ‘*The Primitive World and Its Transformations (1953)*’, ‘*The Little Community (1955)*’ dan ‘*Peasant Society and Culture (1956)*’. Dalam hasil ilmiah yang cuba diketengahkan oleh beliau ini, beliau cuba mengaitkan manusia sebagai pusat kepada pembinaan tamadun dengan mengaitkannya dengan budaya dan pembinaan komuniti dan akhirnya tamadun ini bermula dengan perpaduan (*unity*).

Hillary (1955) melihat masyarakat dipecahkan kepada dua iaitu masyarakat luar bandar dan masyarakat bandar. Masyarakat luar bandar mempunyai hubungan yang lebih baik dan mempunyai hubungan bermasyarakat sementara masyarakat bandar mempunyai tahap hubungan yang kurang rapat dan tidak menumpukan kepada pemupukan hubungan. Sementara, Clifford Gertz (1973) dalam buku beliau yang bertajuk '*The Interpretation of Culture*' telah membawa konsep primordial yang membincangkan konsep mewarisi atau diwarisi seperti agama, bahasa, adat resam yang menghubungkan satu komuniti dengan komuniti yang lain. Wellman (1979) pula melihat masyarakat pada zaman moden bukan sahaja terdiri daripada kalangan kaum kerabat dan jiran-jiran tetapi komuniti pada zaman moden ini lebih melibatkan dengan komuniti yang kita memanggil mereka 'kawan' yang tidak tinggal dengan kita atau berhampiran dengan kita. Barry Wellman et. al (1988) melihat komuniti sebagai hidup berjiran dan di mana seseorang individu hidup bersama-sama dengan kaum kerabat yang sentiasa tolong menolong, memberikan bantuan dan pertolongan adalah antara perkara yang amat diperlukan dalam pembinaan komuniti. Paul R. Brass (1991) pula melontarkan idea tentang komuniti sebagai dengan konsep negara-bangsa. Menurut Keith Popple (1995) menyatakan konsep komuniti bukan sahaja wujud dalam aspek lokaliti yang berasaskan kepada geografi dan juga aspek material (kekayaan) tetapi juga ia mempengaruhi dalam aspek pemikiran seseorang yang berkaitan dengan perasaan di mana dia merasakan dia adalah sebahagian dari sesuatu komuniti. Justeru, menurut Keith Popple beliau telah menggolongkan komuniti ini kepada 3 bentuk yang utama iaitu:

1. Komuniti yang berasaskan lokaliti;
2. Komuniti yang berasaskan kepentingan (*interest group*); dan
3. Komuniti yang berkongsi permasalahan atau situasi yang sama.

Komuniti yang berasaskan lokaliti adalah komuniti yang berasaskan kepada kawasan yang sama. Ia senang dimengertikan kerana jika kita dari satu kawasan akan memudahkan kita menjalinkan hubungan dengan masyarakatnya. Senario ini senang dijelaskan iaitu sekiranya masyarakat dari lokaliti yang sama dia akan adanya perasaan yang sama dengan masyarakat di mana dia berada. Komuniti yang merujuk kepada kepentingan yang sama atau dipanggil *interest group* adalah merujuk kepada kelompok yang sama yang boleh berasaskan kepada keturunan darah misalnya *black community*, *jewish community*, *malay community* dan sebagainya. Kelompok ke tiga pula adalah merujuk kepada komuniti yang berhadapan dengan permasalahan yang sama seperti bekerja di satu tempat kerja yang sama yang mempunyai ikatan biasa. Menurut Keith Popple juga mendapati bahawa komuniti merupakan aspek yang penting di mana ia mengambil bahagian yang penting dalam masyarakat plural (*pluralist society*) dan juga dalam keadaan masyarakat komuniti yang plural yang mewujudkan persaingan dalam komuniti yang heterogen dan antara kumpulan. Justeru, pengkajian berkaitan dengan komuniti merupakan aspek yang penting yang melihat komuniti dalam masyarakat antara komuniti dan dalam masyarakat yang berada dalam keadaan berkonflik merujuk kepada struktur kelas dan ketidaksamaan (*inequality*).

Max Weber melihat konsep komuniti sebagai sifat 'yang ada pada 'communal' iaitu merupakan sifat-sifat yang asas dalam mewujudkan perhubungan antara manusia (Weber, 1978). Bagi weber hubungan yang wujud ini adalah berasaskan kepada kepentingan yang dirujuk oleh beliau sebagai '*communities of interest*'. Kepentingan dalam hubungan ini ditunjukkan dalam bentuk pertolongan, keperluan dan tindakan-tindakan orang lain kepada keperluan seseorang. Bentuk hubungan sebegini adalah dirujuk oleh beliau menjadi kebiasaan dalam kawasan kejiranan yang dilihat oleh Weber sebagai '*the typical helper in need*'. Daripada konsep inilah

terbentuknya komuniti dalam organisasi yang terbentuk dalam tentera, sekolah, pejabat, keagamaan dan juga komuniti kebangsaan (Weber 1978). Justeru, proses pembentukan komuniti bermula apabila interaksi sosial berlaku dalam masyarakat (Graham Day, 2006: 4).

Bagi Karl Marx pula beliau melihat komuniti terbentuk melalui kewujudan kelas sosial dalam masyarakat yang disebabkan oleh perkembangan dalam ekonomi. Bagi beliau pada peringkat awal pembentukan komuniti yang berasaskan komuniti primitif meletakkan kekayaan dan harta adalah milik komuniti. Namun begitu, apabila perkembangan berlaku dalam ekonomi sikap individualistik semakin berkembang menjadikan ikatan kepada komuniti semakin luntur menjadikan seseorang semakin bergantung pada perkembangan pasaran. (Marx, 1973). Daripada sikap inilah telah melahirkan konsep masyarakat komunis. Marx menolak sistem pasaran atau kapitalis dan membawa agenda komunisme.

Sementara itu *Encyclopedia of Cultural Anthropology* (1996) pula melihat komuniti sebagai kelompok etnik (*ethnic group*) yang merujuk kepada sekumpulan manusia yang berkongsi sejarah, keturunan dan nilai-nilai yang sama. Steve Fanton (2003) menambah bahawa '*ethnic group*' sebagai satu budaya dan diperturunkan antara satu generasi dengan satu generasi.

Ashutosh Varshney (2001) dalam artikel beliau bertajuk "*Ethnic Conflict and Civil Society: India and Beyond*" telah melihat perhubungan komuniti mempunyai hubungan dengan dua keadaan iaitu masyarakat civil (*civil society*) dan konflik etnik (*ethnic conflict*). Beliau telah melihat hubungan yang integral antara asas masyarakat civic kepada masyarakat pelbagai kaum. Aspek komuniti dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat dari desa ke pekan, pekan ke bandar dan dari bandar ke bandar besar dibincangkan. Perubahan dilihat dalam aspek pertemuan atau kontak antara individu dalam komuniti. Jika pertemuan ini dapat dipertingkatkan akan mewujudkan tingkat hubungan yang lebih baik. Justeru beliau telah mengetengahkan konsep *associational forms of engagement* dan *everyday forms of engagement*. Pertemuan komuniti boleh berlaku secara intra-ethnic atau inter-ethnic. Dalam keadaan yang lebih kritikal adalah mewujudkan pertemuan peringkat inter-ethnic disebabkan perbezaan yang banyak aspek antara etnik seperti agama, budaya dan cara hidup. Beliau mengatakan perubahan telah berlaku dalam bentuk kontak yang tidak formal seperti interaksi dalam kehidupan, melawat antara satu sama lain, makan bersama, terlibat dalam perayaan dan kanak-kanak bermain bersama dalam satu kawasan kejiranan kepada satu keadaan yang lebih formal dengan kewujudan organisasi. Organisasi ini mungkin dalam bentuk persatuan seperti persatuan perniagaan, persatuan profesional, kewujudan kelab seperti kelab membaca, filem dan sukan, kewujudan NGOs, bentuk kesatuan seperti kesatuan pedagang, kewujudan parti politik dan lain-lain (Ashutosh Varshney, 2001). Justeru bentuk hubungan bentuk baru adalah lebih formal dan mempunyai struktur yang tersusun. Kewujudan bentuk kontak yang sebegini semakin penting khususnya dalam komuniti bandar yang mempunyai penduduk yang padat dan terdiri dalam pelbagai bentuk komuniti.

Sementara Curra (2005) melihat masyarakat pada hari ini berbeza dari masyarakat tradisi dalam 3 perkara iaitu:

- i. Dalam masyarakat tradisional kaedah memupuk hubungan rapat adalah melalui kejiranan sementara komuniti sekarang boleh mengadakan hubungan dengan sesiapa sahaja seperti kaum kerabat, jiran-jiran, rakan-rakan lama baru, rakan sekerja dan lain-lain tanpa mengira tempat dan waktu. Perkataan komuniti telah lahir hasil daripada

- perkongsian ciri-ciri yang sama atau boleh disebut sebagai perkongsian identiti sebagai ganti kepada keturunan yang sama atau kawasan yang sama.
- ii. Kebanyakan masyarakat tradisional berhubung rapat antara satu sama lain tetapi sebilangan kecil komuniti hari ini berbuat demikian.
 - iii. Dalam komuniti tradisi mereka mendapat bantuan dari ahli masyarakat tetapi masyarakat hari ini hanya memberi bantuan tertentu kepada masyarakat mereka.

M. Gottdiener dan Leslie Budd (2005) pula memberikan penjelasan komuniti yang ada sekarang adalah sebuah komuniti yang telah tertransform kepada web sosial komuniti (*social web community*). Komuniti yang diperkatakan ini tidak terhad kepada kawasan dan tempat tinggal yang sama malahan perhubungan masyarakat tidak kelihatan lemah berbanding masyarakat tradisional. Di sini dinyatakan dengan jelas bahawa internet memainkan peranan yang penting dalam mentransformkan masyarakat dan mengekalkan komuniti sebagai ganti interaksi bersemuka (*face-to-face*). Sekarang adanya software internet dan e-mel. Wellman et. al (1988) pula menyokong pendapat ini malahan beliau menegaskan bahawa dalam mengekalkan hubungan komuniti teknologi memainkan peranan yang penting. Ini termasuklah teknologi pengangkutan dan komunikasi misalnya individu boleh melawat rakan-rakan dari komuniti lain atau kerap membuat panggilan atau menghantar e-mel kepada mereka. Dalam keadaan ini M.Gottdiener dan Leslie Budd (2005) telah menggunakan konsep '*space less*' sebagai menggambarkan konsep hubungan social yang tidak pernah difikirkan suatu masa dulu. Ia satu bentuk perubahan yang berbentuk revolusi daripada kejiranan kepada bentuk jaringan sosial yang berasaskan web dari internet dan tetap juga diikat dengan elemen tradisi seperti hubungan kekeluargaan, kawan-kawan dan rakan sekerja yang tidak merujuk kepada berada dalam satu kawasan atau tempat tinggal yang sama (Berry Wellman, 1999: 331). Justeru konsep kejiranan telah berubah secara drastik kepada merentas sempadan kawasan kejiranan dan merentas negara. Konsep jaringan sosial (*social network*) menjadi penting dan menjadi medium mengikat komuniti terkini.

Justeru, dalam melihat perkembangan tentang konsep komuniti sememangnya telah mengalami perubahan yang dramatik bermula dengan masyarakat tradisional dan masyarakat dibahagikan kepada masyarakat luar bandar dan bandar dan kemudiannya pula wujud konsep kejiranan dalam aspek lokaliti dan yang terkini adalah konsep '*space less*' sebagai gambaran perkembangan mutakhir ini yang dikaitkan dengan perkembangan teknologi terutama internet. Komuniti yang ada walaupun berubah tetapi tidak memperlihatkan keutuhan perpaduan itu luntur tetapi ia tetap stabil dan mantap.

Bentuk-bentuk Komuniti

Bentuk-bentuk komuniti yang terbentuk adalah dipengaruhi oleh zaman di mana zaman berbeza akan mewakili persekitaran yang berbeza. Berasaskan ini para sarjana telah mengkategorikan perkembangan bentuk-bentuk komuniti kepada 3 bentuk yang utama iaitu komuniti primitif, komuniti folk dan komuniti moden. Ketiga-tiga bentuk komuniti ini adalah mewakili bentuk-bentuk komuniti yang besar berdasarkan zaman. Setiap komuniti berkenaan mempunyai ciri-ciri komuniti yang sama dan berbeza antara satu sama lain.

Menurut Robert Redfield (1967) komuniti Primitif merupakan komuniti yang mula-mula sekali wujud dalam pembinaan masyarakat dan dapat dicirikan dengan ciri-cirinya seperti:

- i. Asas kewujudan adalah pemisahan dan komuniti hanya wujud dalam jumlah yang kecil dan terpisah (*scattered*);
- ii. Pengetahuan wujud dalam bentuk yang tidak bersistem dan masyarakat adalah tidak boleh membaca (*nonliterate*);
- iii. Ia mewakili budaya masyarakat yang setempat yang asal;
- iv. Masyarakat kelihatan homogen dari aspek pengetahuan, sikap dan fungsi;
- v. Mereka adalah *isolated*, ini kerana mempunyai keupayaan untuk bergerak dengan amat terhad.

Daripada konsep komuniti yang asas ini telah berkembang daripada komuniti bercorak primitif kepada komuniti bercorak *folk* komuniti yang menekankan aspek-aspek tradisi dalam pembinaan kelompok. Kelompok *folk* komuniti juga boleh disebut sebagai komuniti tradisi di mana menekankan aspek-aspek tradisi yang ketat dalam pembinaan komuniti.

Dalam keadaan ini, masyarakat atau komuniti tradisi ini dapat dikenal pasti dengan memperlihatkan beberapa ciri yang jelas, antaranya:

- i. Jumlah yang kecil dari segi populasi;
- ii. Terpisah (*isolated*);
- iii. *Nonliterate* (tidak boleh membaca);
- iv. Homogeneous;
- v. Tradisional; dan
- vi. Mempunyai ikatan solidariti/kesepaduan kumpulan yang kuat.

Secara jelasnya, komuniti *folk* adalah dibangunkan dengan masyarakat yang mempunyai komunikasi yang terhad dengan masyarakat luar (*out group*). Komuniti ini dicirikan dengan ciri-ciri seperti memencilkan diri (*isolation*) dan mempunyai hubungan kelompok yang rapat (*intimate communication*). Keadaan ini berbeza di mana bagi orang luar yang datang daripada budaya yang berlainan tidak akan mewujudkan hubungan yang intim sebagaimana yang dilakukan oleh kelompok dalaman.

Dalam keadaan ini masyarakat yang dibentuk adalah berada dalam satu kawasan yang tetap (*immobility*). Keadaan ini sama dengan senario masyarakat primitif yang berada dalam kawasan (*territory*) yang kecil. Misalnya jika ada di desa dia akan kekal di desa tersebut hingga meninggal dunia. Dengan demikian mereka memerlukan kepada semangat berpuak yang kuat. Semangat ini membawa kepada solidariti dan menjadi asas kepada pembinaan sesebuah tamadun. Asas kepada masyarakat sebegini adalah perkongsian. Jika mereka ada teknologi mereka akan berkongsi teknologi tersebut di kalangan mereka. Justeru, dalam masyarakat *folk* teknologi dan pengeluaran adalah alat yang perlu berkongsi untuk semua. Dengan demikian, mereka tidak mempunyai pembahagian masyarakat dan pengelasan masyarakat yang jelas.

Selain itu, masyarakat bentuk ini juga mempunyai sikap yang spontan dan tidak bersistematik. Mereka tidak menulis dan mencatatkan secara kritikal apa yang berlaku. Tanggungjawab kepada pendidikan tidak penting dan sikap yang ditunjukkan ini adalah tingkah

laku biasa (konvensional) yang akhirnya terbina menjadi identiti. Walau bagaimanapun, bentuk yang sebegini yang menghubungkan antara seseorang dengan seseorang yang lain.

Bentuk komuniti bandar mula dibincangkan pada 1938 oleh Louis Wirth dalam esei beliau yang bertajuk '*urbanism as a way of life*'. Bentuk komuniti bandar yang dikemukakan oleh Wirth menjadi asas dalam perbandingan bentuk komuniti yang dibincangkan oleh Robert Redfield. Bentuk komuniti yang dikemukakan ini jauh berbeza dengan masyarakat simple di mana bentuk komuniti yang dikemukakan ini adalah telahan yang telah dibuat untuk melihat masyarakat pra industri. Ciri-ciri hubungan masyarakat di bandar sebagaimana dinyatakan adalah *depersonalizing*, *transitory* dan *segmental qualities*. Secara khusus ciri-ciri masyarakat bandar adalah *individual*, *heterogeneous*, ramai dan padat (*density*). Dari segi perhubungan pula lebih kepada bercorak pertemuan peringkat ke dua yang berbentuk *impersonal*, *segmental*, *superficial*, *transitory* dan *predatory*. Secara umum pertemuan masyarakat di Bandar adalah dalam bentuk yang tidak melibatkan perasaan iaitu lebih kepada adanya kepentingan tertentu (*impersonal*), bentuk masyarakat pula adalah dalam keadaan terpisah (*segmental*) dan lebih bersifat tiruan (*superficial*), berbentuk sementara (*transitory*) dan suka mengambil kesempatan (*predatory*).

Hasilnya, masyarakat yang dibentuk adalah berbeza dengan masyarakat desa iaitu *anonymous*, *secular*, *relativistic*, *rational* dan *sophisticated*. Justeru, untuk memastikan mereka juga dapat berfungsi sebagaimana masyarakat desa, masyarakat bandar telah mewujudkan beberapa organisasi yang berfungsi untuk solidariti masyarakat iaitu adanya koperasi, persatuan bersifat sukarela, badan-badan perhubungan dengan kerajaan dan adanya badan sebagai jurucakap dalam komunikasi. Justeru, hasil kerja Wirth adalah lebih menjurus kepada masyarakat industri di bandar (*urban industrial society*) berbanding masyarakat Bandar yang sebenarnya.

Kemudian, wujud perbahasan lagi kepada konsep bandar yang dikemukakan oleh Louis Wirth. Herbert Gans telah melakukan pengkajian ke atas *inner city* telah melihat lebih ke hadapan dengan membincangkan lebih kepada masyarakat bandar dan metropolitan. Kritikan beliau lebih kepada ciri-ciri organisasi sosial dan ekologi. Hasil dari pengkajian beliau telah mewujudkan beberapa konsep besar dalam masyarakat iaitu konsep *inner city*, *outer city* dan *suburbs*. Pendapat beliau berbanding Wirth dalam bandar beliau tidak setuju semua masyarakat bandar adalah semuanya *urban* atau telah dibandarkan. Dalam masyarakat bandar masih ada elemen-elemen desa dan sesetengahnya mempertahankan ciri-ciri kedesaan. Sebab itulah dalam ciri-ciri masyarakat bandar beliau memasukkan konsep *ethnic villagers*. Kelompok etnik ini adalah berasal dari kampung tetapi berada di bandar, tetapi mereka memencilkan diri dan hanya terlibat dalam aktiviti pergi dan balik kerja sahaja. Kelompok ini adalah antara bentuk komuniti yang dikemukakan dalam *inner city* selain bandar dikatakan bersifat kosmopolitan, *deprived*, *traped* dan *downward mobile*, dan ramai juga tidak berkahwin dan jika berkahwin mereka tidak mempunyai anak.

Masyarakat dalam konsep *outer city* dan *suburbs* (pinggir bandar) adalah kelompok yang masih mempunyai keterikatan di bandar dari aspek pekerjaan tetapi mereka tidak tinggal di bandar mungkin disebabkan kos hidup yang tinggi. Mereka tinggal di kawasan *outer city* dan pinggir bandar. Masyarakat ini mempunyai kelompok kejiwaan yang dipanggil sebagai '*quasi-primary*' iaitu bentuk hubungan yang lebih rapat berbanding pertemuan peringkat ke dua tetapi

kurang rapat berbanding pertemuan peringkat pertama. Dalam masyarakat adanya pertubuhan sukarela dan kehidupan masyarakat lebih kepada berbentuk homogen.

Justeru, bentuk-bentuk hubungan ini adalah menggambarkan bentuk hubungan yang kompleks yang wujud dalam masyarakat dan bentuk hubungan ini menjadi semakin kompleks buat masa sekarang apabila adanya teknologi internet hingga mewujudkan komuniti virtual atau maya. Komuniti maya telah membawa perkembangan baru dalam bentuk-bentuk komuniti yang wujud yang mana perhubungan mereka adalah merentas sempadan geografi dan merentas lokaliti. Senario ini perlu dibuat pengkajian yang mendalam memandangkan kajian tentangnya masih baru dan amat terhad.

Menurut Ashutosh Varshney (2001) komuniti yang terbentuk ini pada masa sekarang mempunyai hubungan dengan dua angkubah iaitu sama ada masyarakat yang berasaskan *civic life* atau kewujudan rusuhan etnik (*ethnic violence*). Ia dinyatakan dalam kata-kata beliau:

Interethnic and intraethnic network of civic engagement play very different role in ethnic conflict. Because they build bridges and manage tension, interethnic network are agents of peace, but if communities are organized only along intraethnic lines and the interconnections with other communities are very weak or even nonexistent, then ethnic violence is quite likely.

(Ashutosh Varshney, 2001)

Justeru jika kedamaian dan kerukunan yang berasaskan masyarakat sivik gagal diwujudkan masyarakat akan mencetuskan konflik perkauman. Dalam senario masyarakat moden yang ada sekarang adalah penting untuk kita memikirkan dalam komuniti yang berbeza kesepaduan dapat diwujudkan dalam kontak interethnic bukan dalam aspek intraethnic sahaja. Peranan organisasi dalam komuniti memang tidak dapat diperakukan lagi. Melalui organisasi hubungan pelbagai hala akan dapat diwujudkan dan membentuk komuniti yang lebih berpadu.

Perubahan yang berlaku dalam pembentukan komuniti juga dipengaruhi dengan perkara lain iaitu teknologi dan internet. Kewujudan kenderaan seperti kereta, kereta api dan kapal terbang. Kewujudan alat telekomunikasi seperti telefon membolehkan ikatan yang bercorak lokaliti seperti keturunan dan kekeluargaan dapat dipertahankan (Wellman, 1999). Menurut Wellman dengan adanya teknologi dan komunikasi ikatan dapat dipertahankan dan komuniti sentiasa terbentuk walaupun di luar dari kawasan geografi. Dengan adanya peningkatan dalam teknologi pada hari ini iaitu penggunaan internet membolehkan komuniti dalam bentuk baru ini berkembang dan tetap wujud dalam masyarakat yang terpisah oleh kawasan dan jarak. Penggunaan *face book*, twitter dan sebagainya sebagai alat perhubungan sosial telah mendedahkan masyarakat berada dalam komunitinya walaupun di mana dia berada. Justeru, komuniti kampung tetap terikat dan hidup walaupun di mana kita berada. Bentuk komuniti sebegini dipanggil komuniti *social network* atau komuniti virtual atau maya. Komuniti maya adalah terikat melalui penggunaan internet misalnya melalui blog yang diwujudkan dalam internet telah menyatukan mereka membentuk satu-satu komuniti yang terikat dengan kuat dari segi pemikiran dan perasaan.

Secara khusus komuniti maya boleh terbentuk dengan kewujudan teknologi Komputer dan adanya Computer Support Social Networks (CSSN's) sama ada melalui *elektronik mail*

(emel), Buletin Board System (BBS's), *Multiusers Dungeons* (MUD's), *newsgroups* dan *Internet Relay* (hot IRC). Menurut Wellman kewujudan *software* sebegini telah membawa kepada ikatan yang kuat merentas sempadan untuk kewujudan komuniti dalam pelbagai bentuk komuniti sama ada yang lama atau baru hingga mewujudkan nilai-nilai persahabatan, sokongan sosial, perkongsian maklumat dan perasaan kekitaan (*sense of belonging*).

Melalui perbahasan ini dapatlah disimpulkan bahawa pembentukan komuniti telah mengalami perubahan dan dapat disimpulkan bahawa terdapat 8 bentuk komuniti yang telah terbina semenjak tamadun manusia terbentuk hingga kini. Bentuk-bentuk komuniti adalah sebagaimana yang disenaraikan di bawah:

- i. Komuniti primitif;
Dari segi ciri-ciri komuniti ini adalah komuniti yang simple dan belum ada penemuan teknologi yang memberikan impak yang besar kepada masyarakat. Mereka tidak terlibat dalam aktiviti pertanian dan penanaman. Dari segi kehidupan masih berpindah randah. Terdiri daripada kelompok-kelompok kecil atau dipanggil *tribe*. Masih belum terdapat dari segi pembahagian kerja yang kompleks. Kalau ada pembahagian kerja hanya berasaskan jantina iaitu lelaki memburu dan perempuan memasak.
- ii. Komuniti penggembala;
Komuniti penggembala pula mempunyai ciri-ciri yang menunjukkan peningkatan dalam kehidupan. Komuniti ini telah menunjukkan perubahan dari segi aktiviti iaitu daripada memburu kepada menternak dan bercucuk tanam. Dari segi populasi pula menunjukkan perkembangan dan mereka sudah mula tinggal menetap di satu-satu tempat. Masyarakat sudah mula menunjukkan pembahagian kerja yang jelas.
- iii. Komuniti agrarian;
Komuniti ini telah menunjukkan perkembangan dari segi populasi dan adanya pekerjaan yang lebih tersusun. Dari segi pembahagian kerja pula menunjukkan lebih jelas. Aktiviti pertanian pula lebih sistematik di mana adanya proses-proses seperti penyemaian benih, penanaman, penjagaan, pembajaan dan penuaian. Komuniti agrarian sudah pandai menggunakan teknologi dalam pertanian seperti penggunaan tenaga haiwan. Pembahagian kerja menjadi semakin jelas. Jika ada lebihan hasil pertanian akan dijual atau ditukar dengan barangan. Fungsi keluarga dalam komuniti ini adalah untuk menjalankan fungsi produksi.
- iv. Komuniti desa;
Komuniti desa adalah terbatas kepada ruang, fizikal dan ekologi. Komuniti ini bersikap lebih terbuka kepada pekerjaan. Pekerjaan mereka juga dipengaruhi oleh cuaca dan musim. Tempat tinggal mereka kebiasaannya berdekatan dengan tempat kerja. Jarak antara rumah dengan rumah adalah dekat dan rumah-rumah ini kecil-kecil.
- v. Komuniti industri;

Komuniti industri adalah komuniti yang telah menerima perubahan yang drastik. Mereka berubah melalui pengaruh mesin di mana melalui penggunaan mesin barangan dapat dikeluarkan dengan kapasiti yang banyak dalam satu-satu masa. Masyarakat pada hari ini berubah dengan cepat. Wujud kilang-kilang dan masyarakat mula bekerja di kilang-kilang. Impak dari kewujudan kilang-kilang telah mula menghakis nilai-nilai tradisional, kepercayaan dan adat. Dari segi kehidupan masyarakat menunjukkan peningkatan. Proses industrialisasi juga telah memberikan impak kepada perkara-perkara lain juga seperti pengangkutan dan komunikasi. Pendidikan dan kesihatan menjadi keutamaan masyarakat. Pembahagian kerja menjadi lebih kompleks. Pendidikan diberikan untuk mengisi ruang-ruang pekerjaan yang ada. Komuniti ini sudah tidak berpegang kepada nilai-nilai tradisi dan muncul nilai-nilai baru. Standard kehidupan meningkat dan dalam masa yang sama kadar kemiskinan juga turut meningkat. Selain itu, tuntutan penyertaan dalam berpolitik juga meningkat.

- vi. Komuniti bandar;
Komuniti Bandar sudah mempunyai ciri-ciri yang khusus di mana komuniti ini menunjukkan pekerjaan yang dijalankan lebih tertutup. Mereka tidak dipengaruhi oleh cuaca. Tempat tinggal adalah berjauhan dari tempat kerja dan ada perlu ada pengangkutan atau kenderaan. Dari segi perumahan pula adalah bercorak padat dan bervariasi. Terdapat pembahagian kawasan kediaman yang menggambarkan pembahagian kelas dalam masyarakat. Kawasan rumah-rumah besar dan privasi adalah kawasan kediaman kelas atasan atau elite.
- vii. Komuniti pasca industri;
Komuniti pasca industri amat bergantung kepada perkembangan teknologi untuk melonjakkan perkembangan ekonomi. Mula menggunakan mesin-mesin yang besar dan pekerja lebih mahir. Bekerja menggunakan komputer dan teknologi. Populasi masyarakat meningkat. Pembahagian kerja menjadi semakin kompleks. Wujud jaringan sosial dan informasi yang semakin meluas akibat perkembangan teknologi internet dan wujud budaya global yang mewakili komuniti dan kebudayaan global.
- viii. Komuniti Virtual/Maya
Komuniti maya mempunyai beberapa ciri yang boleh dikenal pasti antaranya ia bersifat *intermittent* (sekejap), *specialized* (khusus), *varying in strength* (untuk kekuatan tertentu sahaja), persahabatan, sokongan emosi, semangat kekitaan, homogen dari segi *interest* (minat) dan *attitude* (sikap), heterogen dari segi umur, kelas sosial, etnik, tahap kehidupan dan latar belakang sosial.

Secara keseluruhannya bentuk komuniti yang ada adalah rencam dan kompleks. Pada diri seseorang individu boleh berpegang pada lebih kepada satu komuniti. Komuniti yang ada sekarang tidak bergantung kepada lokaliti atau aspek geografi sahaja sebagai definisi untuk merujuk kepada komuniti pada diri seseorang individu. Ia mungkin ada lebih dari satu komuniti yang berjalan serentak selain komuniti kejiranan di mana dia berada. Mungkin seseorang itu

masih berkomuniti lagi dengan komuniti desa di mana dia datang, seseorang yang aktif sukan akan berkomuniti dengan jenis sukan yang dia aktif, seseorang yang mempunyai minat atau hobi yang sama akan berkomuniti dengan kumpulan hobi yang diminati seperti hobi memancing akan mempertemukan kelompok komuniti pemancing, hobi bermotor besar akan mempertemukan kelompok hobi yang bermotor besar dan begitulah sebaliknya. Lebih unik lagi apabila perubahan dan perkembangan dalam teknologi internet memudahkan pembentukan kelompok komuniti ini bersatu dalam satu komuniti terutamanya dengan kewujudan *facebook* dan *twitter*.

KESIMPULAN

Justeru, pembentukan komuniti adalah berkait rapat dengan proses perbandaran dan perkembangan teknologi dalam sesetengah keadaan mewujudkan *alienation*. Komuniti yang terbentuk telah mengalami evolusi dari komuniti yang simple hingga kewujudan komuniti yang kompleks sebagaimana komuniti maya yang berasaskan internet. Kewujudan komuniti menurut Ray Oldenburg adalah bergantung kepada tiga tempat yang utama dalam pembentukan komuniti iaitu:

- i. Kawasan perumahan;
- ii. Tempat kerja; dan
- iii. Berorganisasi atau berpersatuan.

(<http://www.pps.org>)

Jika diperhatikan pembinaan komuniti di tempat kerja dan berpersatuan merupakan aktiviti komuniti yang amat berpengaruh dalam konteks sekarang berbeza dengan komuniti sebelum ini yang berasaskan kejiwaan.

RUJUKAN

- Ashutosh Varshney 2001. *Ethnic Conflict and Civil Society: India and Beyond dalam World Politics* , Vol. 53, Number 3, April 2001, pp. 362-398.
- Encyclopedia of Cultural Anthropology* .1996. Henry Holt & Co.
- Fenton, Steve. 2003. *Ethnicity*. Cambridge: Polity Press.
- Geertz, Clifford.1973. *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Books, Inc.
- Hillary, G.A. 1955. *Definitions of Community: Area of Agreement*. Rural Sociology 20 (June): 111-123.
- Ibn Khaldun (2002). *Mukadimah*. Cetakan ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Keith Popple (1995). *Analysing Community Work: Its Theory and Practice*. Buckingham, Philadelphia: Open University Press.

M. Gottdiener dan Leslie Budd .2005. *Key Concept in Urban studies*. London: SAGE Publications Ltd.

Robert D. Putnam (1995), *The Strange Disappearance of Civic America*, The American Prospect no. 24 dimuat turun pada 22 Oktober 2012 atas talian <http://epn.org/prospect/24/24putn.html>.

Robert Redfield. 1967. *The Folk Society dalam The study of society: An Integrated Anthology*. New York: Random House.

Tony Blackshaw. 2010. *The Concept in Community Studies*. London: Sage Publication.

Wellman, Barry et al. (1988) Networks as Personal Communities dalam *Social Structure: A Network Approach*, Cambridge: Cambridge University Press.

Wellman, Barry. 1979. *The Community Question: The Intimate Networks of East Yorkers*. American Journal of Sociology 84 (5): 1201-1231.

Mohd Syarifudin Abdullah
Jabatan Pengajian Kewarganegaraan dan
Kemasyarakatan, Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
syariefudin@fsk.upsi.edu.my
Prof. Dr. Mansor Mohd Noor
Institut Kajian Etnik
UKM 43600 Bangi
Selangor
mnmansor@ukm.edu.my

Ahmad Rizal Mohd Yusof
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
army@ukm.edu.my

Faridah Binti Che Husain
Pusat Pencetus Bakat & Latihan Industri
(CITra), Universiti Malaya
irdina@um.edu.my